

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 5 JANUARI 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16

Rafizi sedia ‘berlari pantas’

Rafizi sedia ‘berlari pantas’

Kuala Lumpur: Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli memberi gambaran bahawa beliau akan ‘berlari’ dengan lebih pantas selepas genap sebulan memegang jawatan penting berkenaan.

Beliau berkata, ada idea dan pendekatan baru yang dirasakannya memberi nilai pulangan lebih baik bagi setiap satu ringgit wang rakyat yang dibelanjakan kerajaan.

Beliau menjelaskan, ada masalah pelaksanaan yang merencangkan prestasi ekonomi dan menyebabkan kenaikan kos yang boleh ditangani manakala ada projek berimpak tinggi yang akan memberi isyarat anjakan ekonomi diperlukan bagi menarik minat pelabur.

“Insya-Allah, kalau 10 kami usahakan, kalau pun tidak semua membawa hasil seperti yang dirancang, sebahagian besarnya akan mempunyai impak jangka masa sederhana dan panjang kepada negara.

“Ada perkara yang boleh diusahakan supaya hasilnya dirasai cepat, namun kebanyakannya perencanaan ekono-

mi akan mengambil masa lebih setahun, sementara sebahagian besarnya memakan lebih masa.

“Sebab itu masa sebulan saya habiskan berjumpa dan berbincang dengan pemegang taruh utama ekonomi negara. Mereka termasuklah pembuat dasar, pelaksana, pihak swasta dan pemegang taruh lain. Secara umumnya, semua pihak memahami hala tuju ekonomi yang hendak dibawa.

“Mungkin apa yang dilakukan akan dirasai kesannya dengan segera dan ada hasilnya hanya dapat dituai dalam tempoh setahun dua atau tahun-tahun yang akan datang,” katanya dalam kenyataan di Facebook semalam.

Rafizi berkata, Kerajaan Perpaduan bertanggungjawab mengalih haluan ekonomi ke arah ekonomi

RAFIZI

bernilai tinggi supaya rakyat mendapat gaji yang boleh mengimbangi tekanan inflasi.

“Usaha mengekang inflasi banyaknya boleh dilaksanakan di peringkat pembekal seperti mempercepatkan pelaburan berteknologi tinggi dalam sektor makanan, mengawal harga (dengan membayar subsidi), meningkatkan persaingan pembekal (dengan menangani monopoli) dan menambah bekalan (termasuk mengimport).

“Tetapi usaha di sebelah pembekal ini perlu juga diiringi dengan inisiatif di sebelah penawaran, termasuklah mengusahakan kenaikan gaji yang munasabah supaya rakyat tidak merasa terlalu terbeban dengan kadar inflasi semasa dan menggalakkan tabiat pengguna yang lebih sensitif kepada harga agar permintaan lebih anjal,” katanya.

